

**PEMIKIRAN BERSEPADU 4K DALAM PROSA  
MELAYU TRADISIONAL KOMSAS**

**MAHALETCHIMI A/P BALAKRISHNAN**

**FAKULTI BAHASA KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2011**

**PEMIKIRAN BERSEPADU 4K DALAM PROSA  
MELAYU TRADISIONAL KOMSAS**

**MAHALETCHIMI A/P BALAKRISHNAN**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH KEDOKTORAN FALSAFAH  
KESUSASTERAAN MELAYU**

**FAKULTI BAHASA KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2011**

**PENGAKUAN**

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

25. 10. 2011

MAHALETCHIMI A/P BALAKRISHNAN  
20071000360

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Tuhan, yang memberi hidayah, petunjuk dan pedoman sepanjang pengajian kedoktoran falsafah di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan sewaktu saya menyelenggarakan disertasi ini. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama saya, Dr. Ani Hj Omar yang telah banyak berusaha dan bertungkus lumus membantu saya dengan memberi bimbingan, dorongan, tunjuk ajar dan sokongan moral yang amat bermakna sekali sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini. Beliau menjadi pendorong dan pemangkin serta sumber inspirasi utama untuk saya menamatkan pengajian kedoktoran falsafah ini. Oleh itu, saya berdoa agar beliau dan sekeluarga mendapat keberkatan daripada Tuhan dan dilimpahi rezeki serta kesihatan yang baik. Tidak lupa saya kepada penyelia kedua saya, Profesor Madya Dato Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin, selaku ketua Jabatan Kesusastraan Melayu, Fakulti Bahasa yang turut mendorong saya, dan membimbing saya untuk menyiapkan disertasi ini dengan sebaik mungkin. Seterusnya kepada suami saya yang tercinta Ir. S. Sivasubramaniyam yang banyak memberi sokongan moral, berkorban masa, tenaga dan wang untuk saya menamatkan pengajian ini. Tidak lupa juga kepada anak sulung saya S. Rathee Dewi yang banyak memberi sokongan, bantuan serta amat prihatin terhadap kepentingan saya menamatkan pengajian ini. Anak bongsu saya, S. Sriganesh yang turut sentiasa berdoa dan mengharapkan ibunya berjaya dan memperoleh ijazah kedoktoran falsafah. Begitu juga kepada ibu dan ayah saya yang bercita-cita untuk melihat kejayaan saya memperoleh ijazah ini sejak dahulu lagi. Seterusnya kepada Pn. Nurul Eshan bt Mohd Zain, seorang guru Matematik di sekolah saya yang banyak membantu menaip disertasi ini dengan kemas dan baik. Kesungguhan, kerajinan dan ketepatan masa beliau menaip disertasi ini telah membantu saya menyiapkannya dengan mudah. Akhir sekali, kepada ahli-ahli keluarga, barisan pentadbiran sekolah, rakan-rakan sejawat, khususnya ustazah-ustazah dan pelajar-pelajar yang sentiasa berdoa dan memberi kerjasama amat saya menghargai.

B. MAHALETCHIMI  
SMK SELAYANG BHARU  
68100 BATU CAVES  
SELANGOR

NO. 37, SJ 19,  
TAMAN SELAYANG JAYA,  
68100 BATU CAVES  
SELANGOR

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan unsur-unsur pemikiran bersepadau 4K, unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni dalam petikan prosa Melayu tradisional KOMSAS. Kumpulan petikan prosa Melayu tradisional yang dikaji adalah daripada *Antologi Sehijau Warna Daun* (tingkatan satu), *Antologi Seuntai Kata untuk Dirasa* (tingkatan dua), *Antologi Anak Bumi Tercinta* (tingkatan tiga), *Antologi Anak Laut* (tingkatan empat) dan *Antologi Kerusi* (tingkatan lima) yang berjumlah dua puluh petikan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dengan mengkaji teks-teks asal petikan tersebut. Metodologi kajian yang dijalankan adalah melalui Teori Sistem Pemikiran Bersepadau 4K, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Pemikiran-pemikiran ini diaplikasikan oleh pengkaji dalam tiga aspek perbincangan untuk mencapai objektif kajian, iaitu mengenal pasti dan menganalisis pemikiran bersepadau 4K dalam prosa Melayu tradisional KOMSAS, mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni dalam prosa Melayu tradisional KOMSAS dengan menggunakan teori SPB4K, dan mencadangkan kepada Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menggunakan dapatan kajian sebagai teknik dalam pengajaran dan pembelajaran prosa Melayu tradisional KOMSAS tingkatan satu hingga lima. Hasil dapatan kajian menunjukkan prosa Melayu tradisional mampu menjana pemikiran-pemikiran pembaca untuk membuat pertimbangan, perhitungan, penelitian, pendapat dan berupaya menggunakan akal fikiran dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Selain itu, dapatan kajian mendapati unsur-unsur pengajaran dalam prosa Melayu tradisional menunjukkan adanya gagasan pemikiran bersepadau antara keempat-empat pemikiran. Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati petikan prosa Melayu tradisional mampu menyemai nilai-nilai murni melalui empat pemikiran dengan menitikberatkan pemikiran bersepadau dan penemuan ciri-ciri insan yang berakhhlak baik. Beberapa cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia seperti memuatkan petikan-petikan prosa Melayu tradisional yang lebih lengkap, petikan-petikan prosa Melayu tradisional yang dipilih seeloknya mempunyai banyak unsur pengajaran dan nilai-nilai murni, menggantikan petikan-petikan prosa Melayu tradisional dengan sebuah teks hikayat untuk setiap tingkatan, dan membina program mesra e-pembelajaran KOMSAS untuk mempelajari prosa Melayu tradisional. Pengkaji juga mengesyorkan beberapa saranan sebagai kajian lanjutan seperti melakukan kajian pada prosa Melayu tradisional terkini untuk tahun 2010 dan 2011, melakukan kajian pada perspektif unsur-unsur penceritaan prosa Melayu tradisional KOMSAS dan aspek nilai-nilai murni dalam beberapa prosa tradisional adalah perlu untuk memperoleh dapatan-dapatan terbaru dan berfaedah kepada pembaca.

## ABSTRACT

This research is aimed to explain the elements of thinking from the Theory of Integrated Thought System 4K: perspective, elements of lessons, and values in the prose passage of Malay traditional literature. The Malay traditional prose passages / text studied are from *Antologi Sehijau Warna Daun* (Form 1), *Antologi Seuntai Kata untuk Dirasa* (Form 2), *Antologi Anak Bumi Tercinta* (Form 3), *Antologi Anak Laut* (Form 4) and *Antologi Kerusi* (Form 5) which accumulate 20 articles. The researcher uses qualitative theoretical framework which is library research which analyses the texts from the extracts / articles. The research methodology which is carried out using the Theory of Integrated Thought System 4K which are spiritual thinking, wisdom thinking, scientific thinking and creative thinking. These thinkings are applied by the researcher in three aspects of discussion to achieve the purpose of the research which is to identify the elements of thinking in the Theory of Integrated Thought System 4K in the Malay traditional literature, to know the elements of teaching and to identify the values of traditional Malay literature by using the afore-mentioned theories and to suggest to the Malaysian Ministry of Education to use the findings of this research as a technique in the teaching and learning of the Malay traditional prose as well as literature from form 1 to form 5. The findings show that traditional Malay prose is able to generate the readers thinking of balance, enumeration, conscientious opinion and thought of mind in problem solving. In addition the study found that the elements of traditional Malay prose support the ideas of integrated thinking are among the four thinking skills. Furthermore, the study also found that the elements of traditional Malay prose can inculcate good values in four thoughts and give preference in integrated features and discover the good characteristics in human. Some of the recommendations for further research have been forwarded to the Ministry of Education such as to include / insert more complete extracts from Malay traditional prose, to choose extracts which have more values and lessons, to replace the Malay traditional texts with a chronicle text for all forms and to create a friendly e-study program for literature in studying the Malay traditional prose. Some of the recommendations for the 2010 and 2011 researchers to be done further, include studies on the perspective of prose narrative elements of the traditional Malay literature and prose with more emphasizes on the moral values.

<b>KANDUNGAN</b>	
Muka surat	
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK BAHASA MELAYU	iv
ABSTRAK BAHASA INGGERIS	v
KANDUNGAN	vi – ix
SENARAI RAJAH	x – xiii
SENARAI SINOPSIS	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1 – 12
1.2 Latarbelakang Kajian	12 – 22
1.3 Pernyataan Masalah	22 – 25
1.4 Kepentingan Kajian	25 – 27
1.5 Objektif Kajian	27
1.6 Soalan Kajian	28
1.7 Batasan Kajian dan Pemilihan Bahan	29 – 30
1.8 Definisi Konsep dan Oprasional	30
1.8.1 Pemikiran	31
1.8.2 Bersepadu	32
1.8.3 Prosa Melayu Tradisional	32 – 35
1.8.4 KOMSAS	36 – 37
1.9 Kaedah Kajian	37 – 38
1.10 Rumusan	38 – 40
<b>BAB DUA: TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	41 – 42
2.2 Tinjauan Literatur	42 – 88
2.3 Rumusan	89 – 90

**BAB TIGA: METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	91 – 93
3.2	Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K	93 – 94
3.2.1	Sumber-Sumber Menjana Teori	95 – 105
3.2.2	Jenis-Jenis Pemikiran	
3.2.2.1	Pengenalan	105 – 108
3.2.2.2	Pemikiran Kerohanian	108 – 114
3.2.2.3	Pemikiran Kebitaraan	114 – 122
3.2.2.4	Pemikiran Kesaintifikan	123 – 126
3.2.2.5	Pemikiran Kekreatifan	127 – 135
3.2.2.6	Rumusan	135 – 137

**BAB EMPAT: PEMIKIRAN BERSEPADU 4K DALAM PROSA MELAYU TRADISIONAL KOMSAS**

4.1	Pengenalan	138 – 140
4.2	Pengaplikasian Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4k	140
4.2.1	Lebai Malang	140 – 144
4.2.2	Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka	145 – 149
4.2.3	Sabor	149 – 154
4.2.4	Hang Tuah Mengalahkan Taming Sari	154 – 157
4.2.5	Pak Belalang	157 – 161
4.2.6	Asal Usul Raja Kecil	161 – 164
4.2.7	Kezaliman Membawa Padah	164 – 167
4.2.8	Peminangan Puteri Gunung Ledang	168 – 169
4.2.9	Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya	170 – 173
4.2.10	Cerita Kera Dengan Buaya	173 – 175
4.2.11	Tujuh Puteri Turun Ke Dunia	176 – 180
4.2.12	Keberanian Lima Bersaudara	181 – 184
4.2.13	Pak Kaduk	184 – 187
4.2.14	Putera Besar Lahir Ke Dunia	187 – 189
4.2.15	Puteri Buluh Betung	190 – 191
4.2.16	Raja Bersiung	192 – 194
4.2.17	Patung Kencana Dari Kuripan	195 – 196
4.2.18	Pertarungan Tuah Dengan Jebat	196 – 199
4.2.19	Sikap Terburu-buru Membawa Padah	199 – 203
4.2.20	Kepahlawanan Tun Beraim Bapa	203 – 206
4.3	Rumusan	206 – 208

## **BAB LIMA: UNSUR-UNSUR PENGAJARAN DALAM PROSA MELAYU TRADISIONAL KOMSAS BERDASARKAN TEORI SPB4K**

5.1	Pengenalan	209 – 211
5.1.1	Lebai Malang	211 – 214
5.1.2	Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka	214 – 219
5.1.3	Sabor Dan Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya	219 – 227
5.1.4	Hang Tuah Mengalahkan Taming Sari	227 – 233
5.1.5	Pak Belalang	233 – 240
5.1.6	Asal Usul Raja Kecil	241 – 246
5.1.7	Kezaliman Membawa Padah	246 – 249
5.1.8	Peminangan Puteri Gunung Ledang	249 – 252
5.1.9	Cerita Kera Dengan Buaya	252 – 255
5.1.10	Tujuh Puteri Turun Ke Dunia	255 – 261
5.1.11	Keberanian Lima Bersaudara	262 – 267
5.1.12	Pak Kaduk	267 – 270
5.1.13	Putera Besar Lahir Ke Dunia	271 – 275
5.1.14	Puteri Buluh Betung	275 – 278
5.1.15	Raja Bersiung	278 – 282
5.1.16	Patung Kencana Dari Kuripan	282 – 285
5.1.17	Pertarungan Tuah Dengan Jebat	285 – 294
5.1.18	Sikap Terburu-buru Membawa Padah	294 – 299
5.1.19	Kepahlawan Tun Beraim Bapa	299 – 307
5.2	Rumusan	307 – 313

## **BAB ENAM: NILAI-NILAI MURNI DALAM PROSA MELAYU TRADISIONAL KOMSAS BERDASARKAN TEORI SPB4K**


6.1	Pengenalan	314 – 319
6.1.1	Nilai Murni Bertanggung Jawab	319 – 327
6.1.2	Nilai Murni Kesabaran	328 – 337
6.1.3	Nilai Murni Berfikiran Waras	337 – 343
6.1.4	Nilai Murni Bijaksana	344 – 351
6.1.5	Nilai Murni Baik Hati	351 – 355
6.2	Rumusan	356 – 359

## **BAB TUJUH: KESIMPULAN DAN PENUTUP**

7.1	Pengenalan	360 – 367
7.2	Cadangan	368 – 371
7.3	Rumusan	372 – 374

**RUJUKAN**

375 – 387

**GLOSARI****LAMPIRAN**

## SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah	
1 Prosa Melayu Tradisional (Harun Mat Piah, 2006: 88)	10
2 Senarai Antologi	16
3 Petikan Prosa Melayu Tradisional Menurut Teks Asal	21
4 Komponen Asas Tradisi Sastera Lisan (Shaiful Bahri Md. Radzi & Sahlan Mohd Saman, 2005: 32)	33
5 Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) (Mohd Yusof Hasan, 2007: 11)	94
6 Sumber-Sumber Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K)	95
7 Falsafah Pendidikan Kebangsaan Berpaksikan Empat Elemen	97
8 Perkaitan Elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dengan Pemikiran 4K (Mohd Yusof Hasan)	98
9 Penerangan Perkaitan Elemen-Elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dengan Pemikiran 4K (Mohd Yusof Hasan)	99
10 Ilmu Islam Menurut Falsafah Pendidikan Islam (Mohd Yusof Hasan)	101
11 Aras Domain Kognitif (Bloom B.S, 1981: 38)	102
12 Pengaruh Sumber Domain Taksonomi Pendidikan Dalam Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (Mohd Yusof Hasan)	104
13 Ajaran Islam Berpasangan (Mohd Yusof Hassan, 2007:56)	109
14 Aspek-aspek Kerohanian Dalam Islam (Syarifuddin Muhammad, Mukhlis Syarkun & Hassan Mahdari, 2005:355)	112
15 Aspek-Aspek Kebitaraan (Mohd Yusof Hassan (2007:62)	115
16 Pandangan pelbagai Sudut Otak Manusia; Serebrum, Serebelum, Dan Medula Oblongata (Moh Chee Wai, Tina Lina Swee Kim, Nazar Shaorani, 2004:491)	117

17	Teori Roger Sperry Dan Teori Howard Gardner (Mohd Yusof Hasan, 2004, 99)	118
18	Formula 7 Tabiat Covey (Mohd Yusof Hasan, 2004:104)	121
19	Hoki Dan Hoka (Mohd Yusof Hassan, 2007:12)	123
20	Konsep-Konsep Ilmu Logik Atau Kesaintifikan	124
21	Teknik Menjana Pemikiran Kekreatifan	129
22	Teknik Edward de Bono Menjana Idea-Idea Kreatif	131
23	Konsep dalam Pemikiran Kekreatifan Menurut Edward de Bono (Mohd Yusof Hasan, 2007:126)	133
24	Pengagihan Perbincangan Petikan Prosa Melayu Tradisional	139
25	‘Surah Al- Asr’ (Mohd Yusof Hasan, 2007:41)	142
26	Unsur Pemikiran Kerohanian Dan Kekreatifan Lebai Malang Melalui SBP4K	144
27	Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka Dalam SPB 4K	149
28	Pemikiran Kerohanian dalam Prosa Melayu Tradisional Sabor	154
29	Unsur Pemikiran Kebitaraan Hang Tuah Dalam Mengalahkan Taming Sari	157
30	Pemikiran Kekreatifan Dan Kebitaraan Pak Belalang Menyelesaikan Teka Teki	160
31	Pembuktian Sejarah Melalui Unsur Pemikiran Kesaintifikan	163
32	Kekreatifan dan Kebitaraan Hang Nadim Menyelesaikan Serangan Ikan Todak	167
33	Menolak Peminangan Secara Kreatif dan Bitara	169
34	Strategi ‘ <i>Rat Tracking</i> ’ (Geoffrey, 1977:36)	171
35	Cara Penyelesaian Masalah Melalui Pemikiran Kekreatifan	174

36	Tujuan CORT (Mohd Yusof Hasan, 2007:177)	177
37	Kekreatifan Tuanku Malim Deman Melalui Peralatan <i>Consequences &amp; Sequel</i>	178
38	Lima Prinsip Revolusi (Mohd Yusof Hasan, 2007:133)	181
39	Pemikiran Kekreatifan & Kebitaraan Pak Kaduk	186
40	Pemikiran Kerohanian dalam ‘Putera Besar Lahir ke Dunia’	189
41	Pemikiran Kekreatifan Kampar Dalam Usaha Membunuh Raja Bersiung	193
42	Keupayaan Otak Kanan Atau Hoka Yang Mencetuskan Pemikiran Kekreatifan (Mohd Yusof Hasan, 2004:148)	200
43	Kekreatifan Maharaja Rawana	201
44	Golongan Orang Berilmu (Mohd Yusof Hasan, 2007:54)	205
45	Domain Pemikiran Hang Tuah	232
46	Format Perbincangan Bahagian Kupasan Cerita Prosa Melayu Tradisional	308
47	Rujukan Teks-Teks Asal Prosa Melayu Tradisional	310
48	Perkaitan Petikan Teks, Unsur-Unsur Pengajaran dan Pemikiran Bersepada	313
49	Nilai Murni Tanggungjawab Dalam Pemikiran Kebitaraan	327
50	Nilai Murni Kesabaran Dalam Pemikiran Kerohanian	337
51	Nilai-Nilai Murni Berfikiran Waras Melalui Pemikiran Kesaintifikasi	342
52	Nilai Murni Bijaksana Dalam Pemikiran Kekreatifan	350
53	Nilai Murni Baik Hati Dalam Pemikiran Kerohanian	355
54	Perkaitan Petikan Teks, Pemikiran Bersepada 4K Dan Nilai-Nilai Murni Kesabaran, Baik Hati, Tanggungjawab, Berfikiran Waras Dan Bijaksana	359

- 55 Penemuan Gagasan Pemikiran Bersepadu Dalam Petikan Prosa Melayu  
Tradisional KOMSAS Dalam Empat Pemikiran 374



## SENARAI SINOPSIS

### Sinopsis

- 1 Petikan Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka
- 2 Petikan Sabor
- 3 Petikan Hang Tuah Mengalahkan Taming Sari
- 4 Petikan Pak Belalang
- 5 Petikan Asal Usul Raja Kecil
- 6 Petikan Kezaliman Membawa Padah
- 7 Petikan Peminangan Puteri Gunung Ledang
- 8 Petikan Tujuh Puteri Turun ke Dunia
- 9 Petikan Keberanian Lima Bersaudara
- 10 Petikan Putera Besar Lahir ke Dunia
- 11 Petikan Puteri Buluh Betung
- 12 Petikan Raja Bersiung
- 13 Petikan Patung Kencana dari Kuripan
- 14 Petikan Pertarungan Tuah dengan Jebat
- 15 Petikan Sikap Terburu-buru Membawa Padah
- 16 Petikan Kepahlawanan Tun Beraim Bapa

## SENARAI LAMPIRAN

### Lampiran

- A Susur Galur Asal Usul Negeri Melaka
- B Sabor
- C Hang Tuah Mengalahkan Taming Sari
- D Pak Belalang
- E Asal Usul Raja Kecil
- F Kezaliman Membawa Padah
- G Peminangan Puteri Gunung Ledang
- H Tujuh Puteri Turun ke Dunia
- I Keberanian Lima Bersaudara
- J Putera Besar Lahir ke Dunia
- K Puteri Buluh Betung
- L Raja Bersiung
- M Patung Kencana dari Kuripan
- N Pertarungan Tuah dengan Jebat
- O Sikap Terburu-buru Membawa Padah
- P Kepahlawanan Tun Beraim Bapa

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Prosa ialah karya kreatif yang berbentuk karangan dan prosa Melayu tradisional merupakan penceran kebudayaan masyarakat Melayu lama yang menjadi sumber penting untuk mengetahui sejarah masyarakat orang Melayu pada zaman lampau. Karya-karya prosa Melayu adalah warisan tradisi masyarakat Melayu yang telah diwarisi dengan penuh rasa bangga, dipelihara dan dianggap suci. Tanpa prosa Melayu tradisional, pengetahuan pembaca tentang pemikiran dan kehidupan generasi dahulu amat terbatas. Dengan kata lain, prosa Melayu tradisional menjadi ukuran dalam menilai cara pemikiran masyarakat Melayu lama.

Menurut V.I. Braginsky (1994:3), prosa Melayu tradisional adalah penceran dan lambang kehidupan seharian, pengalaman, amalan-amalan budaya, pandangan, falsafah, kepercayaan dan cara hidup masyarakat berkenaan. Malah karya-karya prosa

Melayu tradisional merupakan wadah dan perantaraan untuk menyampaikan kepada dunia tentang kehidupan masyarakat Melayu. Penulis turut menjelaskan bahawa teks Melayu klasik semakin banyak diterbitkan dengan mendedahkan kekayaan dan kedalaman makna kesusasteraan lama. Dengan itu, prosa Melayu tradisional mula dipelajari di sekolah dan di universiti seluruh Malaysia untuk mengekalkan dan memulihkan pertembahan tradisi dengan masa sekarang.

Mohd Yusof Md. Nor & Inon Shaharuddin Abdul Rahman (1992:xiii) turut memberi pendapat tentang prosa Melayu tradisional seperti berikut:

*kesusasteraan adalah karya ciptaan yang menyatakan pengalaman dan perasaan manusia. Di dalamnya terkandung gambaran nilai hidup masyarakatnya. Hasil-hasil kesusasteraan Melayu lama itu merupakan hasil daya cipta masyarakat Melayu lama yang mempunyai keindahan dan kehalusan. Hasil-hasil kesusasteraan itu merupakan pemikiran masyarakatnya. Karya-karya yang dihasilkan mengandungi unsur-unsur moral, pendidikan dan nilai hormat-menghormati, taat setia, kejujuran, kesederhanaan, rendah diri, simpati, semangat yang tinggi dan berbagai-bagai lagi.*

V.I. Braginsky (1994:41) selanjutnya mengatakan pandangan kesusasteraan Melayu tradisional seperti berikut:

*Persuratan, perihal karang-mengarang, kesusasteraan merupakan teras yang hakiki daripada kebudayaan orang Melayu serta rakyat dunia Islam yang lain..... Bahagian yang paling berharga daripada warisan Melayu ialah kesusasteraan yang dicipta oleh rakyat setelah menganut Islam.... Kebudayaan Melayu pada zaman keemasannya memandang alam semesta sebagai karya sastera. Manusia pun dipandang sebagai semacam karya sastera. Kesusasteraan tampil bukan sahaja sebagai buah pena pengarang, tetapi kesusasteraan itu sendiri merupakan sejenis pengarang yang menerangkan memori manusia dan dengan demikian membentuk peribadinya.*

Malah menurut penulis salah satu keunggulan gaya sastera yang dianggap terpenting ialah keindahan yang tercermin, baik dalam sistem imej mahupun dalam susunan kata. Dalam kesusasteraan Melayu, seperti juga dalam kesusasteraan dunia Islam yang lain, punca segala keindahan ialah kudrat Allah. Disebabkan oleh kudrat-Nya itu, keindahannya yang mutlak tampil dalam keindahan pelbagai benda, misalnya dalam keindahan karya sastera.

Pengkaji yakin, keindahan sedemikian dapat mencernakan pemikiran pembaca karya Melayu klasik dan berpotensi untuk meleraikan segala pemikiran yang negatif seperti keresahan, kekhawatiran dan kekeliruan. Karya Melayu klasik mampu mencorakkan pemikiran pembaca memandangkan pengarang-pengarang yang telah menghasilkan karya klasik dahulu kala sudah adanya pemikiran-pemikiran yang teratur, dinamik dan logik dalam karya-karya berkenaan.

Ismail Hamid (2001:3) menghuraikan bahawa prosa Melayu tradisional boleh dilihat dalam beberapa tahap perkembangan mengikut urutan zaman. Iaitu bermula dari zaman sebelum mengenal huruf, zaman pengaruh Hindu dan zaman Islam. Pada zaman pengaruh Hindu, sastera Melayu tradisional banyak ditemui tertulis dalam bahasa Jawa Kuno. Sebenarnya, sebelum kedatangan Islam, orang Melayu sudah pun mempunyai kerajaan sendiri, iaitu kerajaan Srivijaya. Pada masa kerajaan tersebut, banyak kesusasteraan Melayu telah dicipta tetapi warisan kesusasteraan Melayu tradisional tidak ditemui dan direkodkan. Maka sastera Melayu tradisional yang bercorak tulisan hanya bermula setelah kedatangan Islam. Sejak zaman itu, banyak karya sastera Melayu tradisional dihasilkan dan dunia kesusasteraan Melayu

tradisional telah berkembang dengan pesat dalam pelbagai bentuk genre sastera. Antara genre sastera yang dapat disenaraikan ialah sastera rakyat, sastera hikayat, sastera panji, sastera epik, sastera sejarah dan sastera kitab.

Harun Jaafar (2004:77 - 93) menjelaskan bahawa sastera rakyat merupakan satu bentuk sastera yang terawal dalam budaya Melayu. Karya-karyanya boleh didapati dalam dua bentuk iaitu bentuk cerita dan bukan cerita yang meliputi kedua-dua tradisi lisan dan tradisi tulisan. Sastera hikayat pula merupakan genre yang paling luas dan bersifat umum dalam kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana hampir semua naskhah lama Melayu menggunakan judul hikayat. Sastera hikayat juga boleh dibahagikan kepada tiga unsur yang signifikan, iaitu berunsur Hindu, Hindu-Islam, dan berunsur Islam. Sastera panji juga merupakan satu bentuk sastera hikayat yang secara umumnya berkisar di sekitar kisah pengembaraan dan percintaan watak utama. Sastera epik pula menggabungkan ciri kepahlawanan dengan unsur-unsur mitos, legenda dan sejarah. Terdapat tiga buah epik sastera Melayu tradisional yang utama iaitu *Hikayat Tuah*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Sastera kitab pula berkembang dengan pesat apabila Islam tersebar luas di rantau ini, lebih-lebih lagi apabila tertubuhnya kerajaan-kerajaan Melayu Islam seperti Pasai, Melaka dan Aceh. Kitab ini pada kebiasaannya dikenang semata-mata untuk membincangkan ilmu fiqh, ilmu tauhid dan ilmu tasawuf.

Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj Abdul Aziz (1998:6) menegaskan bahawa kesusasteraan Melayu tradisional tercipta hasil daripada warisan tradisi lisan dan bertulis. Tradisi lisan kebiasaannya disampaikan dari mulut ke mulut sejak turun

temurun dalam kalangan rakyat yang mencerminkan cara hidup dan pemikiran mereka. Tradisi lisan ini akhirnya dikenali sebagai sastera rakyat yang merangkumi pantun, teka-teki, pepatah, cerita mergastua, cerita hantu, cerita jenaka, cerita asal usul dan cerita penglipur lara. Sebaliknya tradisi bertulis pada masa dahulu dicipta di dalam istana atau di rumah-rumah bangsawan. Penulisnya terdiri daripada ahli-ahli keluarga bangsawan atau orang-orang yang mempunyai hubungan dengan pihak istana. Apabila diarah oleh raja, penulis akan mengarang karya baharu semata-mata untuk memenuhi kehendak raja. Selain itu, hanya golongan bangsawan yang mempunyai kemampuan mengupah dan membayar pujangga untuk menghasilkan hikayat. Ini menyebabkan tradisi bertulis dikenali sebagai sastera istana.

Mohd Yusof Hasan (1995:2) turut berpendapat bahawa hasil sastera rakyat masih belum diselidiki dan dibukukan secara sepenuhnya. Namun begitu, usaha-usaha dan inisiatif telah dilakukan untuk mengumpul bahan-bahan oleh beberapa orang sarjana seperti R.O.Winstedt, A.J.Sturrock, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan beberapa buah pusat pengajian yang lain. Hasil sastera istana pula terdapat dalam bentuk manuskrip dengan tulisan jawi yang sebahagian besarnya merupakan salinan daripada naskhah asal yang hampir lenyap dan hilang. Namun atas usaha beberapa pegawai kolonial seperti Raffles dan Farquhar telah mengupah penulis-penulis Melayu menyalin semula daripada naskah-naskah pinjaman pada abad ke 19. Kini, kebanyakan manuskrip tersebut tersimpan di muzium Jakarta dan beberapa buah perpustakaan di Eropah seperti di University Leiden, Perpustakaan Kebangsaan di Austria dan Perpustakaan Kongres di Amerika Syarikat. Di samping itu, terdapat kira-kira 50 manuskrip yang tersimpan di

perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Singapura dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Peralihan daripada tradisi lisan kepada tradisi tulisan pada zaman dahulu secara langsung memaparkan perubahan yang drastik dalam pemikiran masyarakat Melayu dari tahap yang mudah kepada yang lebih kompleks. Karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional yang berbentuk prosa dan puisi dicipta semata-mata untuk menyampaikan maklumat-maklumat penting tentang daya fikir, akal budi, cita rasa, jati diri dan kebijaksanaan masyarakat Melayu masa lampau. Malah kesusasteraan Melayu tradisional dijadikan sebagai alat untuk menggambarkan corak kehidupan, nilai-nilai bahasa dan estetika yang merupakan pengalaman utama masyarakat Melayu silam. Oleh itu, tidak dapat disangkal bahawa kesusasteraan Melayu tradisional berupaya menjadi panduan kepada khalayak pembaca untuk mengenal hati budi masyarakat Melayu silam. Pendek kata banyak unsur didaktik yang dapat diambil dan diguna pakai daripada kesusasteraan Melayu tradisional untuk dijadikan teladan pada masa kini.

Menurut Baharuddin Zainal (1975:1) ketinggian ilmu dan nilai yang terkandung dalam kesusasteraan Melayu tradisional telah menarik minat dan perhatian para sarjana, khususnya dari barat untuk datang ke rantau ini semata-mata untuk mengkaji dan mengupas kesusasteraan lama. Kecenderungan dan usaha sarjana-sarjana barat dari Eropah telah melahirkan pelbagai pusat pengajian Melayu di luar negara seperti di London, Leiden, Paris, Frankfurt, Moscow, California dan Australia. Usaha para sarjana seperti H.M.J.Maier, Nigel G.Philips, Vladimir J.Braginsky, Will

Deklarasi berterusan dengan menjalankan kajian dan penyelidikan berdasarkan naskhah Melayu tradisional. Berkat usaha sarjana barat ini berjaya mengumpulkan pelbagai manuskrip Melayu dan disimpan di beberapa perpustakaan di luar negara seperti di British Library, Perpustakaan School of Oriental and African Studies di University of London dan di University of Leiden.

Beliau terus mengatakan bahawa setelah Malaysia mencapai kemerdekaan telah timbul kesedaran dan kepentingan untuk memartabatkan prosa tradisional dalam kalangan penulis tanah air. Barisan sarjana tempatan yang hebat-hebat pada saat tersebut ialah Ismail Hussein, Mohd Taib Osman, Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh dan Abdul Rahman Kaeh. Penulis-penulis tempatan ini menganggap kesusastraan bukan sahaja mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat di mana pembaca wujud, tetapi ia juga melibatkan setiap perubahan dan pergolakan-pergolakan yang berlaku di dalam masyarakat tersebut. Oleh itu, mereka melahirkan karya-karya sastera yang mampu membicarakan apa yang berlaku dalam sesebuah masyarakat pada masa dahulu.

Namun untuk menggambarkan sesebuah masyarakat yang telah maju, ia masih memerlukan maklumat-maklumat daripada hasil kesusastraan lama. Hasil kesusastraan Melayu lama berfungsi sebagai pemberi pedoman kepada masyarakat kini. Ini kerana kesusastraan Melayu tradisional mempunyai ciri-ciri tersendiri. Menurut Harun Mat Piah (2006:37) antaranya ialah ia bersifat kolektif dan dianggap milik bersama masyarakat. Oleh itu, kebanyakan karya tidak dinyatakan nama penulis atau pengarangnya. Ciri kedua ialah sastera Melayu bersifat feudal dalam aspek

pemilihan tema, watak dan latar. Selain itu, sastera Melayu tradisional terbatas pencipta kerana golongan tertentu sahaja yang terlibat secara aktif dalam penciptaan, penyebaran dan perkembangannya. Ciri seterusnya ialah sastera Melayu tradisional telah dilahirkan sebelum tahun 1800 M, sama ada secara lisan atau tulisan. Sastera ini juga bersifat fungsional, iaitu semua karya dicipta boleh digunakan dalam kehidupan sosial masyarakat sehari-hari, mempunyai sasaran dan peranan yang tertentu dalam masyarakat khalayaknya. Malah sastera Melayu juga mempunyai pelbagai genre yang diungkapkan secara lisan dan tulisan. Genre lisan terdiri daripada bentuk cerita dan bukan cerita. Bentuk cerita seperti mitos, cerita legenda dan cerita dongeng. Bentuk bukan cerita seperti teka-teki, peribahasa, nyanyian rakyat dan puisi tradisional. Genre tulisan meliputi kesusasteraan hikayat, kesusasteraan sejarah, kesusasteraan epik, kesusasteraan panji, kesusasteraan undang-undang, kesusasteraan ketatane garaan, kesusasteraan kitab dan kepustakaan ilmu tradisional.

Harun Mat Piah (2006:37) turut mengatakan ciri seterusnya ialah perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional tidak dibatasi oleh zaman, tarikh dan waktu. Oleh itu, hasil kesusasteraan Melayu tradisional masih terus dicipta, berkembang dan dimanfaatkan oleh pembaca dari dahulu hingga kini. Selain itu, sastera Melayu tradisional menggunakan gaya bahasa yang sangat berbeza dengan gaya bahasa zaman sekarang. Malah ia mempunyai nilai yang tinggi dan kadangkala hasil karya tradisional ini dianggap keramat dan suci. Bentuk isi dan teknik penulisan berbeza-beza antara setiap genre. Umpama, perbezaan jelas dapat dilihat oleh pembaca antara genre lipur lara dan genre sejarah. Genre lipur lara mengandungi kisah-kisah raja dan anak-anak raja yang penuh dengan kesaktian dan kejadian-